

Kuasai ekonomi sepenuhnya

Tengku Razaleigh tolak dakwaan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menolak dakwaan bahawa kaum Bumiputera telah mengawal sepenuhnya ekonomi negara dan bukannya 12.4 peratus sebagaimana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Menegaskan perkara itu hari ini, Tengku Razaleigh berkata, kejayaan yang tercapai hanyalah penyusunan ekuiti Bumiputera dan tidak pada keseluruhannya sebagaimana yang dilaporkan.

Ahli Parlimen dan Pengarah Urusan

(operasi) Multi Purpose Holdings Berhad, Encik Tan Koon Swan berkata di Persidangan Kewangan Syarikat Asia di Singapura Rabu lalu, kaum Bumiputera telah mengawal keseluruhannya ekonomi Malaysia dan bukan 12.4 peratus sebagaimana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan perbincangan mengenai Dasar Ekonomi Baru.

Tengku Razaleigh berkata, masih banyak sektor yang masih belum mencapai peningkatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Bumiputera.

Sebagai contoh katanya, kaum Bumiputera masih ketinggalan ke belakang dalam sektor industri sama ada industri ringan mahupun berat.

Dalam sektor perkhidmatan, pemilikan harta dan perniagaan, Bumiputera masih belum mencapai matlamat tersebut.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh berkata, dalam bidang banking, kewangan dan perlombongan, Bumiputera telah mencapai matlamat sebagaimana yang dilaporkan itu.

Tengku Razaleigh memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan pembukaan bilik pameran Aronica Intan Sdn. Berhad di Sungai Wang Plaza, di sini.

Encik Tan dalam dakwaannya memberi alasan, saham-saham di negara ini dipegang oleh berbagai institusi Bumiputera.

Katanya, dengan menggunakan percantuman dan pengambilalihan sebagai strategi pertumbuhan, beberapa institusi Bumiputera seperti Pernas dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah berkembang pesat merangkumi kewangan negara.

Katanya, dikira secara keseluruhan, Bumiputera mempunyai lebih dari 12.4 peratus sektor syarikat. Dalam sektor perlombongan, tambahnya, penyusunan semula Perbadanan Perlombongan Malaysia (MMC) baru-baru ini dan pembelian London Tin Group oleh Pernas di awal 70-an menjadikannya sebagai perusahaan timah terbesar di dunia.

Beliau menyatakan, Bumiputera mengawal 60 peratus industri perlombongan di Malaysia. Tengku Razaleigh tidak menolak angka yang dinyatakan itu.

Dalam sektor Bank, Encik Tan berkata, Malayan Banking dan Bank Bumiputera (dua buah bank terbesar tempatan), Oriental Bank dan Kwong Yik Bank adalah dikawal oleh Bumiputera.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia